

Syor hapuskan pilihan raya di IPTA

KUALA LUMPUR 7 Sept. — Sekumpulan pemimpin dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mendesak kerajaan menghapuskan pilihan raya kampus di semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi mengurangkan pengaruh politik kepartian khususnya di kalangan pelajar Melayu.

Kumpulan yang terdiri daripada 20 pensyarah dan pemimpin pelajar itu mencadangkan agar kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dibuat secara lantikan oleh Naib Canselor.

Menurut jurucakap kumpulan tersebut, desakan itu bertujuan mengurangkan semangat politik kepartian yang menyebabkan pelajar Melayu hilang tumpuan terhadap pelajaran mereka.

Menurut beliau, kumpulan itu telah mengemukakan memorandum kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk meneliti cadangan itu. "Kita mencadangkan tidak perlu lagi diadakan pilihan raya untuk memilih pemimpin MPP."

"Kita mahu membantu kerajaan dari segi memulihkan semula tumpuan pelajar Melayu kepada akademik," katanya kepada *Utusan* di sini.

Pilihan raya kampus diadakan setahun sekali melibatkan kesemua institusi pengajian tinggi awam. Pada tahun lalu hampir keseluruhan universiti dikuasai oleh kumpulan yang condong kepada pembangkang.

Semasa kempen dijangkan pelbagai cara dilakukan termasuk meniru kempen pembangkang pada pilihan raya umum.

Contohnya di Universiti Utara Malaysia (UUM) tahun lalu, isu mengkafirkan pelajar yang tidak menyokong kumpulan tertentu berlaku secara terbuka.

Jurucakap itu seterusnya berkata, menerusi memorandum itu, tambah beliau, pihaknya mencadangkan agar pemimpin-pemimpin MPP dilantik oleh Naib Canselor berdasarkan prestasi seseorang pelajar.

Naib Canselor sesebuah universiti, kata beliau, akan menemui duga beberapa pelajar yang mempunyai

pencapaian cemerlang dalam akademik dan kognikulum.

"Dengan cara ini, seseorang pemimpin MPP tidak lagi mempunyai unsur-unsur kecenderungan terhadap satu-satu parti politik," katanya.

Beliau menambah, kewujudan "parti politik" yang dianggotai oleh pelajar tidak dapat dielakkan jika pilihan raya kampus masih terus diadakan.

Katanya, gesaan tersebut timbul berikutan wujudnya kesedaran di kalangan pemimpin pelajar dan pensyarah terhadap gejala politik kepartian yang semakin serius di kampus-kampus.

"Para pemimpin pelajar ini mahu mewujudkan semula kedamaian dan perdamaian di kalangan pelajar Melayu di kampus yang kini berpecah belah akibat politik kepartian," jelasnya.

Beliau yakin cadangan itu boleh direalisasikan dengan mandatkan kejayaan UKM menghapuskan pilihan raya di peringkat kolej kediaman pelajar dua tahun lalu.

Ekoran langkah tersebut, jelasnya, perpaduan di ka-

langan pelajar semakin terjalin dan suasana di kolej kediaman pelajar UKM semakin harmoni.

"Pada peringkat awal, langkah tersebut mendapat tentangan hebat terutama di kalangan pelajar yang dipercayai penyokong parti pembangkang.

"Malah, saya turut dituduh sebagai 'taghut' dan mungkar ketika tindakan drastik itu dilakukan," katanya.

Beliau menegaskan, pilihan raya yang diadakan setiap tahun di kampus seluarang telah lari daripada matlamat asal untuk melahirkan pemimpin yang berwibawa.

Menurut beliau, tanggungjawab pemimpin MPP sebenarnya ialah untuk menjaga kebajikan pelajar dan menguruskan kegiatan kurikulum.

Malangnya, kata beliau, pemimpin MPP dikatakan lebih cenderung terlibat dalam aktiviti yang didalangi oleh parti politik luar kampus dan kurang mengambil berat mengenai hal ehwal pelajar.

Lebih menyedihkan lagi, ujarnya, kehangan pilih-

an raya kampus kini menyamai pilihan raya umum kerana dipercayai mendapat sokongan parti-parti politik tertentu dari luar.

"Ada pelajar yang membawa masuk pemimpin politik dari luar, mengganggu pelajar pada waktu tengah malam dengan berkempen dari bilik ke bilik dan sebagainya.

"Mereka menggunakan pelbagai kaedah termasuk kuliah subuh dan kursus untuk menanam fahaman politik mereka," katanya.

Justeru, beliau melihat bahawa pilihan raya kampus lebih cenderung ke arah perpecahan di kalangan pelajar.

Apa yang dikesalkan, tambahnya, pelajar Melayu lebih banyak terlibat dalam politik kepartian di kampus berbanding pelajar dari kaum-kaum lain.

"Pelajar kaum lain lebih tertumpu kepada bidang pelajaran yang menyebabkan rata-rata keputusan mereka lebih baik berbanding pelajar Melayu," katanya.

UUM/DA53/UM/08.09.2001/p:3 (1),